



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS  
KEPADA Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan  
Penduduk Negeri Selangor Sesi 2016-2018**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2017 (AHAD)  
MASA : 11.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI  
TEMPAT : DEWAN UTAMA, NATURAL  
HEALTH NATUROPATHIC  
ACADEMY (NHNA), NO. 39, JALAN  
PENGACARA U1/48, SEKSYEN U1,  
TEMASYA INDUSTRIAL PARK,  
40150 SHAH ALAM**

## **ALUAN**

Yang Berhormat Tan Sri Noh Bin Haji Omar  
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique  
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Sri Alex Ong  
Timbalan Presiden Natural Health  
Naturapathic Academy - sebagai rakan strategik penganjuran  
kursus ini,

Yang Berusaha Dr. Mary Wong Lai Lin  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

Yang Berusaha Tuan Haji Zamri bin Salleh  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

Yang Berusaha Encik Khairul Dzaimie Bin Daud  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Mohd Rosli bin Ramli  
Pegawai Kemajuan Negeri Selangor  
Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor

Yang Berusaha Pengerusi-Pengerusi Majlis Perwakilan  
Penduduk (MPP) Negeri Selangor  
Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi  
Wakil-wakil Media

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
Pengerusi Jawatankusa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri  
Selangor yang saya hormati sekalian

**Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, kita dapat bersama-sama hadir dan berkumpul di Majlis

Penutup Kursus Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Selangor Bagi Sesi 2016-2018.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang walau pun dalam kekangan masa, masih sempat dan sudi hadir untuk menyempurnakan majlis ini dan seterusnya memberi amanat kepada semua hadirin khususnya Pengerusi – pengerusi JPP Negeri Selangor ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak *Natural Health Naturopathic Academy* (NHNA) kerana sudi menjadi rakan strategik KPKT dalam penganjuran kursus yang sangat penting bagi semua Pengerusi JPP Negeri Selangor Bagi Sesi 2016-2018.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

3. JPP Negeri Selangor telah pun memasuki penggal kedua, berkuat kuasa mulai 1 November 2016 hingga 31 Oktober 2018. Sehingga kini, seramai 268 orang Pengerusi JPP (93.06%) telah dilantik. Sebagaimana yang kita sedia maklum, penubuhan JPP bermula pada Julai Tahun 2014 bagi

memenuhi aspirasi Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan Transformasi Pengurusan Bandar.

4. Pada masa ini dianggarkan lebih 70% daripada penduduk di negara ini tinggal di bandar dan peratusan ini dijangka terus meningkat di mana pada tahun 2020 dijangkakan lebih 75% penduduk negara ini tinggal di bandar. Kepesatan proses perbandaran ini akan menyebabkan isu-isu perbandaran menjadi semakin kompleks. Desakan penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti daripada Kerajaan Persekutuan turut meningkat.

5. Justeru, bagi pelaksanaan modul kursus kali ini Kementerian telah memperkenalkan modul kursus baru iaitu Modul Latihan JPP 2.0 yang diubahsuai dan ditambah baik dari modul kursus sedia ada. Modul terkini yang dilaksanakan dalam kursus kali ini meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Meet My JPP*
- ii. Gerak Kerja JPP*
- iii. Towering Leadership*
- iv. Feel Good Factor*
- v. Executive Talk*

6. Kursus ini merupakan salah satu program wajib yang perlu dihadiri oleh setiap Pengerusi JPP dan merupakan Indeks Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Tujuan utama penganjuran kursus ini ialah untuk memperkasakan peranan dan usaha YBhg. Dato'/tuan/puan dalam mengalas amanah yang telah dipertanggungjawabkan khususnya dalam membantu pihak berkuasa menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Sesungguhnya, peranan YBhg. Dato'/tuan/puan sebagai Pengerusi JPP adalah bukan sekadar sebagai ketua dan pemimpin jawatankuasa di peringkat zon malah berperanan sebagai *opinion leaders* yang bertanggungjawab dalam menyatupadukan penduduk serta membantu Kerajaan Persekutuan mengenalpasti isu-isu perbandaran bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat di bandar.

7. Berbeza dengan negeri-negeri lain, peranan YBhg. Dato'/tuan/puan sebagai Pengerusi JPP di Negeri Selangor dilihat lebih mencabar. Penubuhan JPP di Selangor tidak disandar kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tetapi dilaksanakan melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN). Sehubungan itu, bagi memastikan kehadiran Kerajaan Persekutuan dapat dijiwai di peringkat PBT, Pengerusi JPP perlu memastikan isu-isu dan permasalahan di dalam kawasan

tanggungjawab YBhg. Dato'/tuan/puan dapat diberi perhatian dan diselesaikan sama ada di peringkat JPP sebelum ia dirujuk kepada PPPN atau pun KPKT dengan kadar segera.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

8. Hari ini melakar sejarah bagi pihak Kementerian, di mana kursus ini merupakan kerjasama pintar pertama (*smart partnership*) yang dijalinkan KPKT dengan pihak NHNA. Pihak NHNA telah bekerjasama dengan KPKT bagi menganjurkan Kursus Pengerusi JPP Negeri Selangor Bagi Sesi 2016-2018. Bagi pihak KPKT, sekalung penghargaan serta ribuan terima kasih, semoga lebih banyak lagi sektor korporat akan mencontohi inisiatif yang dilaksanakan oleh NHNA selaras dengan konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang telah dilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Sejak dari Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan telah menekankan kerjasama erat di antara sektor korporat dan Kerajaan dalam usaha mencapai keseimbangan sosioekonomi Negara dan sebagai langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

9. Kerjasama pintar ini merupakan contoh terbaik yang mana semua pihak berkepentingan (*stakeholder*) tidak kira pihak kerajaan dan swasta berkongsi apa saja bentuk bentuk sumber

yang ada baik dalam bentuk kewangan, kepakaran dan sebagainya untuk sama-sama melakukan pembangunan dalam melahirkan masyarakat yang inklusif ke arah menuju ke sebuah negara maju seperti kata pepatah "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing". Sehubungan dengan itu, adalah menjadi harapan saya agar usaha sama ini dapat berkekalan dan berterusan serta diperluaskan lagi di masa hadapan.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

10. KPKT dari masa ke semasa telah menyusun dan merangka pelbagai program bagi memperkasakan lagi peranan JPP dalam memimpin setiap komuniti yang berada dalam kawasan bandar. Sesungguhnya pelantikan YBhg. Dato'/tuan/puan diharap akan memberi impak yang besar ke arah pemangkin kesejahteraan rakyat dan akan memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat terutama di bandar.

11. Kepada peserta kursus, adalah menjadi harapan saya agar YBhg. Dato'/tuan/puan akan mengaplikasikan tips-tips yang penting dan berguna yang telah diperolehi sepanjang kursus 3 hari ini dan berusaha untuk menjadi *community coordinator* yang menjadi penghubung antara penduduk dan Jabatan/Agensi Kerajaan di peringkat zon masing-masing. Jika



semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing dengan baik, maka matlamat penubuhan JPP iaitu untuk mewujudkan bandar yang sejahtera akan dapat direalisasikan.

12. Pastinya YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan telah mengenalpasti potensi dan kemampuan diri dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik dan lebih berkesan kepada masyarakat di zon masing-masing. Semoga program ini telah berjaya menyuntik semangat dan menjadi pemangkin kepada YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam usaha menggalas amanah dan tanggungjawab mewakili masyarakat setempat.

13. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas kesudian hadir dan seterusnya menyampaikan sijil kepada peserta kursus. Tak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

14. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Kursus Pengerusi JPP Negeri Selangor Bagi Sesi 2016-2018 ini dan

sekalung tahniah kepada NHNA yang telah bersama-sama membantu menjayakan program ini.

**Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi Taufiq Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**